

- 1 Apakah tujuan penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?
- A Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
 - B Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
 - C Menyediakan ruang perniagaan kepada usahawan
 - D Menawarkan produk yang menarik
- 2 Apakah kelebihan perniagaan milikan tunggal?
- A Perniagaan kekal berterusan
 - B Cukai keuntungan dikecualikan
 - C Semua keputusan dibuat oleh pemilik
 - D Pemilik menanggung liabiliti tidak terhad
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri rakan kongsi.

- Menyumbangkan modal
- Tidak terlibat dalam pengurusan
- Menanggung liabiliti tidak terhad

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Lelap
- B Aktif
- C Biasa
- D Nominal

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Perniagaan K1 Kelantan 2023

3766/1©2023 Hak Cipta MPSM Kelantan

SULIT
[LIHAT HALAMAN SERFI AHI

- 4 Antara yang berikut, yang manakah kelebihan perniagaan francais kepada francais?
- I Menikmati ekonomi bidangan
 - II Mengembangkan perniagaan secara global
 - III Menanggung risiko kegagalan yang rendah
 - IV Mendapat sokongan pihak pengurusan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 5 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sektor tertier?
- A Malik menjalankan aktiviti ternakan udang
 - B Wans Berhad terlibat dalam industri pembinaan bangunan
 - C Mona menghasilkan roti menggunakan resepi warisan keluarga
 - D Ridzuan mengusahakan chalet di Pantai Cahaya Bulan
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Perubahan dalam industri secara keseluruhan menyebabkan kemahiran pekerja tidak lagi diperlukan.

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Bermusim
- B Kitaran
- C Struktur
- D Teknologi

7 Faktor persekitaran yang manakah membawa kepada perubahan perniagaan?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Sumber Manusia	Ekologi
B	Sosiobudaya	Politik
C	Teknologi	Kewangan
D	Pemasaran	Teknologi maklumat

8 Antara yang berikut, yang manakah tindakan kerajaan mengawal deflasi?

- I Mengurangkan kadar cukai
 - II Mengetatkan syarat pinjaman
 - III Meningkatkan kadar faedah simpanan
 - IV Menambahkan perbelajaan kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9 Persekitaran luaran yang manakah boleh menjayakan sesebuah perniagaan?


- A Struktur organisasi yang mantap dalam menyelaraskan aktiviti antara jabatan
- B Dasar fiskal dan dasar kewangan yang mempengaruhi kuasa beli masyarakat
- C Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk membiayai kos pembangunan
- D Peluang kenaikan pangkat yang disediakan untuk memotivasikan pekerja

10 Agensi manakah yang menyediakan pembiayaan kepada perniagaan?

- A Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- B Institusi Keusahawanan Negara (INSKEN)
- C Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- D Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

11 Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan penetapan W.

W



- Penetapan perancangan jangka masa panjang.
- Panduan membuat keputusan bagi memastikan hal tuju perniagaan.

Apakah W?

- A Visi
- B Misi
- C Sasaran
- D Objektif

12 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan.

Syarikat Seri Maju Holdings menyediakan carta gantt untuk setiap rumah yang dibina agar dapat disiapkan berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan bagi membolehkan objektif perniagaan dapat dicapai.

Apakah ciri-ciri objektif tersebut?

- A Spesifik (Specific)
- B Boleh dicapai (Attainable)
- C Jangka Masa (Time - Frame)
- D Boleh diukur (Measureable)

13 Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif perniagaan Encik Samsul.

- Meningkatkan jualan sebanyak 20% pada tahun 2025
- Membuka cawangan di Sabah dan Sarawak

Apakah faktor yang mempengaruhi penetapan objektif tersebut?

- I Penyelidikan Dan Pembangunan
 - II Pengurusan Sumber Manusia
 - III Pertumbuhan perniagaan
 - IV Memaksimumkan keuntungan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14 Mengapakah Analisis Titik Pulang Modal (TPM) penting kepada perniagaan?

- A Meramal keuntungan
- B Menentukan kuantiti pengeluaran bagi menampung jumlah kos
- C Mengetahui jumlah modal yang diperlukan oleh perniagaan
- D Mengira kos produk seunit

15 Antara yang berikut, manakah merupakan kos tetap?

- A Belanja insurans
- B Belanja belian bahan mentah
- C Belanja pengangkutan
- D Belanja utiliti

16 Bagaimanakah bahagian fungsian pemasaran dapat meningkatkan keuntungan?

- A Mengurangkan kos bahan
- B Meningkatkan permintaan
- C Meningkatkan penawaran
- D Menghasilkan barang berkualiti

17 Antara yang berikut, manakah kepentingan pasaran baharu?

- I Melibatkan dalam pasaran tepu
 - II Menguasai pasaran yang lebih besar
 - III Membantu mewujudkan peluang pasaran
 - IV Meningkatkan pasaran pekerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

18 Maklumat berikut berkaitan peranan bahagian fungsian.

- Menjawab pertanyaan pelanggan
- Menyediakan pakar bagi memberi maklumat kepada pelanggan

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Fungsian pengurusan pemasaran
- B Fungsian khidmat pelanggan
- C Fungsian pengeluaran
- D Fungsian pengagihan

19 Gambar 1 berkaitan aplikasi teknologi maklumat.




Gambar 1

Bagaimanakah penggunaan teknologi maklumat dapat mengintegrasikan bahagian fungsian?

- A Maklumat dapat disampaikan dengan tepat
- B Mengurangkan gangguan dalam komunikasi
- C Meningkatkan komunikasi pekerja dan majikan
- D Maklumat perniagaan dapat dihantar dengan mudah dan cepat

20 Rajah 1 di bawah berkaitan dengan fungsian pembelian.



Rajah 1

Apakah Q?

- A Menilai pembekal-pembekal
 - B Membuat pesanan pembelian
 - C Menerima barang daripada pembekal
 - D Menerima sebut harga daripada pembekal
- 21 Bagaimanakah pengurus sumber manusia dapat menjaga kebajikan pekerja?
- A Melaksanakan program motivasi
 - B Menyediakan skim latihan kemahiran
 - C Menyediakan kemudahan klinik panel
 - D Mengamalkan prinsip pengkhususan tugas

22 Situasi berikut berkaitan dengan faedah sistem penggajian sebuah perniagaan.

I	Pekerja menerima ganjaran pada setiap akhir tahun berdasarkan prestasi perniagaan.
II	Pekerja menerima ganjaran berdasarkan jumlah jualan yang diperolehi.

Apakah I dan II?

	I	II
A	Bonus	Komisen
B	Bonus	Upah
C	Elaun	Upah
D	Elaun	Komisen

23 Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak bank sebelum meluluskan sesuatu pinjaman?

- I Nama perniagaan
- II Nilai aset yang dicagar
- III Tempoh bayaran balik pinjaman
- IV Bilangan rakan kongsi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia dalam perniagaan.

- Mengurangkan kesilapan tugas dan tekanan kerja
- Pekerja dapat menjana idea baharu


Apakah peranan tersebut?

- A Membangunkan pasukan bagi mencapai sasaran
- B Membentuk persekitaran kerja yang harmoni
- C Memantapkan budaya professional
- D Merancang deskripsi tugas

25 Apakah sumber fizikal sebuah syarikat pengiklanan?

- A Paten
- B Pekerja mahir
- C Lesen perisian
- D Kilang dan mesin

26 Rajah 2 merupakan prosedur pengurusan sumber perniagaan.



Rajah 2

Apakah Y?

- A Sumber fizikal
- B Sumber manusia
- C Sumber teknologi
- D Sumber pembiayaan

27 Antara yang berikut, manakah merupakan sumber teknologi?

- I Stok
- II Bahan metal
- III Lesen perisian
- IV Kemahiran dan pengalaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

- Kemudahan pembelian akaun penghutang yang disediakan oleh bank dan institusi kewangan
- Membeli invoice pada harga diskaun

Apakah sumber tersebut?

- A Syer
- B Pajakan
- C Pemfaktoran
- D Overdraf

29 Apakah tujuan syarikat penerbitan memohon hak cipta terpelihara?

- A Mendapatkan kebenaran untuk mencetak karya syarikat
- B Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka
- C Mendapatkan kelulusan untuk menjual dengan harga diskaun
- D Mendapatkan kebenaran memasarkan karya syarikat ke luar negara

30 Antara berikut, yang manakah kelebihan sumber pembiayaan daripada syarikat pajakan?

- I Dapat menjana pendapatan
- II Dapat menggunakan mesin tanpa mengeluarkan modal yang tinggi
- III Menjadi hak milik penyewa selepas tamat tempoh pajakan
- IV Jentera yang rosak akan dibaiki oleh penyewa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Apakah tujuan sesebuah perniagaan menyediakan penyata kunci kira-kira?

- A Menilai prestasi perniagaan
- B Menilai kekuatan dan kelemahan perniagaan
- C Mengetahui keuntungan yang diperoleh oleh sesebuah perniagaan
- D Mengetahui kedudukan aset dan liabiliti perniagaan

32 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat Jaya Sendirian Berhad.

Butiran	RM
Untung Kasar 2022	36 200
Untung Bersih 2022	14 500
Kos Jualan	82 000

Berapakah peratus pulangan atas modal?

- A 13.68%
- B 17.68%
- C 40.05%
- D 44.15%

33 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Sri Tanjung Sendirian Berhad.

Kadar Pusing Ganti Stok perniagaan sebanyak 5 kali

Apakah tafsiran yang boleh dibuat mengenai nisbah kecekapan tersebut?

- A Untung kasar yang diperolehi bagi setiap ringgit jualan sebanyak 5 kali
- B Untung bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit jualan sebanyak 5 kali
- C Perniagaan dapat menggantikan stok barang niaga sebanyak 5 kali setahun
- D Setiap RM1 jumlah aset dapat menjana jualan sebanyak RM5.00

- 34 Antara berikut, yang manakah benar mengenai ciri usahawan yang kreatif?
- I Keupayaan menambah baik ciri-ciri produk
 - II Keupayaan mengubahsuai barangan sedia ada
 - III Keupayaan menghasilkan idea baharu
 - IV Kebolehan mencipta produk baharu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 35 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat?
- I Menjalankan tanggungjawab sosial
 - II Menyediakan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan
 - III Memupuk minat keusahawanan dalam keluarga
 - IV Mewujudkan sikap berdikari
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 36 Apakah yang dimaksudkan tentang stok bergerak perlahan?
- A Stok yang dijual tetapi bayarannya belum diterima daripada penghutang
 - B Stok baharu yang lambat diterima daripada pembekal
 - C Stok yang mengambil masa yang lama untuk dijual
 - D Stok lama yang tidak terjual

37 Milikan perniagaan manakah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016?

- A Rambai Sendirian Berhad
- B Klinik Faiz dan Foo
- C Berkat Enterprise
- D Panji Trading

38 Apakah jenis dokumen yang berkaitan dengan rekod pembelian?

- I Resit
 - II Memo
 - III Penyata bank
 - IV Invois
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

39 Pernyataan berikut berkaitan dengan campuran pemasaran.

Peniaga memberikan diskaun kepada pelanggan bertujuan untuk meningkatkan hasil jualan.

Apakah elemen pemasaran tersebut?

- A Pengedaran
- B Promosi
- C Harga
- D Produk

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Perniagaan K1 Kelantan 2023

40 Antara yang berikut, manakah kepentingan rancangan perniagaan?

- I Meyakinkan pihak pelabur dan pembiaya
- II Memastikan objektif perniagaan tercapai
- III Memudahkan pengurusan mendapat sumber
- IV Memperkenalkan produk yang dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV